

Mara mahu jana usahawan baru

BH - 27/11/2007

Oleh Sariha Mohd Ali

PEKAN: Datuk Seri Najib Tun Razak yakin Program Dari Kemahiran Ke Keusahawanan dilaksanakan Mara mampu melahirkan 11,000 usahawan baru Bumiputera dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri mahu latihan kemahiran dan keusahawanan itu menyediakan mereka kepada keadaan sebenar supaya mereka dapat menjadi usahawan berjaya apabila keluar.

"Sebelum ini, Mara melatih lebih 150,000 Bumiputera dalam bidang kemahiran teknikal dan vokasional, tetapi 99 peratus daripadanya menjadi pekerja bergaji, membuktikan mereka gagal menjadi usahawan seperti

diharapkan kerajaan.

"Walaupun ada Bumiputera berjaya, tetapi jumlahnya terhad dan terbatas. Sebab itu, tumpuan lebih gigih perlu dibuat dalam RMK-9 supaya berlaku lonjakan berganda dalam usaha menjana usahawan baru.

"Jadi, pelaksanaan konsep 'memindahkan kemahiran kepada keusahawanan' dibuat Mara dengan menyediakan inkubator dilengkapi keperluan peralatan dan modal memulakan perniagaan adalah pendekatan terbaik bagi menambah usahawan Bumiputera di negara ini.

"Saya berpuas hati dengan prestasi latihan yang disediakan Mara, tetapi sasaran melahirkan usahawan berjaya masih jauh," katanya selepas melancarkan program Pembangu-

nan Usahawan Teknikal (Dari Kemahiran Ke Keusahawanan) peringkat kebangsaan di Pusat Giat Mara Pekan di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohd Khaled Nordin; Pengerusi Mara, Brig Jen Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin dan Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin.

Najib berkata, kemudahan disediakan Mara dan bimbingan mentor berpengalaman kepada pelatih membolehkan mereka memulakan perniagaan dengan lebih sistematik.

Sementara itu pada majlis sama, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi merancang melahirkan 150,000 usahawan Bumiputera dalam RMK-9, termasuk 11,000

usahawan berasaskan kemahiran yang bakal dilahirkan di Pusat Giat Mara (PGM).

Mohd Khaled, berkata latihan kemahiran selama ini memberi nilai tambah mendapat pekerjaan, kini boleh dijadikan asas menjadi seorang usahawan dan membuka perniagaan.

Beliau berkata, usaha terancang termasuk melaksanakan program memindahkan kemahiran teknikal kepada keusahawanan akan mempercepatkan kelahiran lebih ramai usahawan Bumiputera berkualiti.

"Pelatih kemahiran mengikuti program anjuran agensi kementerian ini juga sebagai sumber membekalkan usahawan baru Bumiputera bagi mencapai sasaran 150,000 usahawan sepanjang RMK-9," katanya.